

**TEKS UCAPAN
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
LARIAN SIHAT MEMBASMI ARAK MURAH 2015
DI DEWAN DATO HAJI AHMAD BADAWI, BUTTERWORTH
PADA 11 OKTOBER 2015 (AHAD), JAM 7.00 PAGI**

Yang Berhormat Tuan Prof. Dr Ramasamy A/L Palanisamy
Timbalan Ketua Menteri 2 Pulau Pinang

Yang Berhormat Tuan Thanashekaran a/l Autherapady
ADUN Bagan Dalam

Yang Berhormat-Yang Berhormat ADUN

Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli Parlimen

Yang Dihormati Encik David Marshel a/l Pakianathan
Pengerusi Jawatankuasa Pengajur
Larian Sihat Membasmi Arak Murah 2015
Merangkap Ahli Majlis MPSP

Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud
Setiausaha Perbandaran MPSP

Ketua Jabatan dan Pegawai MPSP

Rakan-rakan Media

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

.....

Assalamualaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Yang Berhormat, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Syabas diucapkan kepada pihak penganjur khasnya Pengurus Jawatankuasa Penganjur iaitu Ahli Majlis Encik David Marshel a/l Pakianathan dan pihak WC Event Organizer kerana dengan kerjasama MPSP dan sokongan Kerajaan Negeri telah berjaya menganjurkan satu program kesihatan yang memberi kebaikan kepada orang ramai termasuk warga-warga luar negeri.

Saya percaya, program larian ini akan memberi kesedaran kepada orang ramai dan semua yang terlibat terutamanya peserta-peserta larian tentang penjagaan kesihatan masing-masing tanpa minum arak murah serta membantu mempromosikan amalan cara hidup sihat dan meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap kesihatan ahli-ahli keluarga dan diri sendiri.

Sepertimana yang kita ketahui, amalan cara hidup sihat dapat meningkatkan keadaan kesihatan rakyat, mengurangkan risiko menghidap penyakit seperti serangan jantung, strok, kanser mahu pun tekanan darah tinggi. Amalan cara hidup sihat akan membolehkan kita memiliki stamina dan keupayaan yang lebih baik untuk menikmati kehidupan.

Yang Berhormat dan Para Hadirin Sekalian,

Selaras dengan seruan Kerajaan Negeri untuk membentuk Negeri Pulau Pinang yang lebih bersih, lebih hijau, lebih selamat dan lebih sihat, MPSP menyokong pelaksanaan apa juar kempen berhubung Cara Hidup Sihat yang bertujuan untuk

mempromosikan kesihatan serta meningkatkan usaha untuk mencegah penyakit-penyakit berkaitan dengan amalan cara hidup yang tidak sihat seperti meminum arah murah.

Dalam konteks ini, MPSP juga mengadakan program Senamrobik Bersama MPSP untuk orang ramai di ketiga-tiga daerah di Seberang Perai. Aktiviti-aktiviti sukan dan riadah juga diperkenalkan dan diperkembangkan dengan harapan akan memberi manfaat dan meningkatkan tahap kesihatan dan kecergasan fizikal rakyat di Seberang Perai.

Yang Berhormat dan Para Hadirin Sekalian,

Larian Sihat Membasmi Arak Murah ini adalah larian 4.5 km yang bukan berjenis kompetitif atau “ Fun Ride ” merupakan pendekatan baru ke arah peningkatan taraf kesihatan serta kesedaran tentang keburukan jika minum arak murah. Seterusnya ini akan meningkatkan produktiviti dan kualiti kehidupan.

Namun demikian, MPSP juga memainkan peranannya dalam hal penjualan arak. Dari aspek perundangan selain daripada syarat-syarat biasa MPSP mengenakan **syarat-syarat tambahan** kepada penjual arak seperti berikut:-

1. Tidak dibenarkan sama sekali premis perniagaan menjual arak di bawah flat / apartment/ kondo/ rumah kediaman yang sama jenis.
2. Waktu Operasi untuk penjualan arak secara runcit adalah hanya dari jam 10.00 pagi hingga 9.00 malam termasuk premis yang beroperasi 24 jam. Setiap kabinet yang menempatkan arak perlu dikunci selepas tempoh jualan arak yang dibenarkan.
3. Tidak dibenarkan penjualan / pembekalan arak kepada pelanggan berusia 18 tahun ke bawah ataupun orang islam

4. Peniaga adalah dikehendaki menyediakan papan tanda yang mempamerkan tempoh masa jualan arak dan larangan penjualan arak kepada pelanggan berusia 18 tahun ke bawah dan orang Islam.
5. Premis yang menerima aduan bertulis daripada penduduk setempat akan dipertimbangkan untuk dibatalkan lesen.
6. Mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Lembaga Perlesenan Eksais Negeri Pulau Pinang.

Antara lain tindakan MPSP jika melanggar syarat-syarat penjualan arak adalah mengeluarkan kompaun, surat tunjuk sebab dan pembatalan lessen premis serta mencadangkan pembatalan lessen jualan arak kepada Lembaga Pelesenan Eksais Negeri Pulau Pinang

Yang Berhormat dan Para Hadirin Sekalian,

Apa yang lebih membimbangkan ialah amalan cara hidup yang tidak sihat di kalangan pemuda-pemudi kita yang semakin berleluasa dan semakin ramai di antara mereka didapati menghisap rokok, meminum arak dan mengambil dada. Jika trend ini tidak diperbetulkan, sudah tentu kualiti dan produktiviti masyarakat kita, terutama di kalangan pemuda-pemudi akan menurun dari semasa ke semasa.

Mudah-mudahan, usaha-usaha yang dijalankan oleh Pergerakan Anti Arak Murah Malaysia akan membantu untuk membina sebuah negeri yang rakyatnya kuat dan sihat tanpa terlibat dalam minuman arak murah.

Dengan itu, saya sudahi dengan Wabillahi Taufik Wal Hidayah,
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.